KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16.02.22	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			

Gajah betina mati termakan racun

Padang Terap: Bangkai gajah betina ditemukan di tepi Jalan Empangan Pedu berdekatan Kampung Pinang, Pedu, di sini, semalam.

Penduduk, Shazwan Ismail, 25, berkata, bangkai haiwan liar itu ditemukan seorang jirannya yang keluar menoreh getah jam 7.30 pagi.

"Gajah itu ditemukan mati dalam keadaan terduduk dan terdapat kesan darah bersama najisnya berkemungkinan termakan racun atau baja tanaman kebun.

"Penduduk kampung sudah lebih sebulan melihat sekumpulan tujuh gajah berkeliaran di kawasan kebun getah, ada kemungkinan gajah betina ini salah seekor daripada kawanan haiwan liar itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kedah, Jamalun Nasir Ibrahim, berkata pihaknya menerima maklumat awam mengenai kejadian itu jam 8.30 pagi.

Katanya, pihaknya masih menyiasat kejadian itu dan perlu menunggu laporan berkaitan bagi mengetahui punca kematian gajah berkenaan.

"Pasukan forensik dari Ibu Pejabat Jabatan Perhilitan Kuala Lumpur akan turun ke lokasi menyiasat punca kematian gajah ini.

"Saya perlu tunggu laporan mereka," katanya ketika dihubungi.



GAJAH yang ditemui mati dekat Kampung Pinang, semalam.